



PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN CALON LUAR YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN BURSAR. MAKLUMAT JAWATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

BURSAR GRED UTAMA C (VU7)

Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi.
Taraf Lantikan	:	Kontrak/ Pertukaran Sementara/ Peminjaman.
Tempoh Lantikan	:	Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (LPU).
Gaji dan Imbuhan	:	Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama C (VU7) mengikut Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

SYARAT PERMOHONAN

- 1) Calon adalah dari warganegara Malaysia;
- 2) Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- 3) Berpengalaman luas sekurang-kurangnya 10 tahun dalam pengurusan perakaunan, pengurusan kewangan (dana kerajaan dan dana korporat) serta penjanaaan kewangan;
- 4) Mempunyai pengalaman sebagai Ketua Jabatan Kewangan/Bahagian/Unit di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Badan-badan Kerajaan, Syarikat-syarikat Multinasional, *Government Link Company* (GLC) atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; dan
- 5) Akauntan bertauliah atau kelayakan profesional serta berdaftar yang diiktiraf oleh Kerajaan adalah diberi keutamaan.

RINGKASAN TUGAS

Menjadi Ketua Pegawai Kewangan (CFO) yang hendaklah menguruskan hal ehwal kewangan Universiti, menjadi ketua Pejabat Bursar, memberi nasihat dan membantu Naib Canselor dalam perencanaan dan pengurusan kewangan yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik selaras dengan visi dan misi Universiti. Matlamatnya ialah supaya UPM akan berjaya menjadi Universiti Penyelidikan yang cemerlang, berdaya saing dan mampu memberi impak yang signifikan dan tersohor di peringkat global.

Terlibat dalam aktiviti penjanaan pendapatan Universiti dan menjadi *custodian* kepada aset dan rekod kewangan Universiti dan menjalankan tugas-tugas serta fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa. **Bursar bertanggungjawab dan melapor kepada Naib Canselor dan Lembaga Pengarah Universiti.**

KRITERIA PEMILIHAN

KRITERIA UMUM

Kebolehan Memimpin dan Mengurus

- 1) Mempunyai *people skill* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi selaras dengan *core business* Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang.
- 2) Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk sikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.
- 3) Memudahcara supaya keseimbangan antara prosedur semasa dan menggalakan idea baharu boleh dicapai.

Reputasi

- 4) Mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat dan seluruh warga Universiti. Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf berdasarkan pencapaian, tingkah laku, dan pengaruh selain mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati masyarakat dalam dan luar kampus.

Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal yang Mantap

- 5) Keupayaan seseorang untuk berkomunikasi dengan jelas, mendengar dengan baik dan berinteraksi dengan orang lain secara efektif dan berkemampuan untuk mengurus konflik dengan cara yang membina.

Personaliti

- 6) Seorang yang berkeyakinan tinggi, berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi terutama dalam aspek kejujuran serta kesopanan, *team player*, berpandangan jauh, proaktif, dinamik, bertanggungjawab, beretika, patriotik dan bermotivasi tinggi.
- 7) Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.

Pengurusan Kewangan

- 8) Berkebolehan merancang dan menguruskan sumber kewangan dengan telus dan cekap bagi mencapai nilai untuk wang (*value for money*) bagi hasil yang optimum dan berkesan dengan memastikan pemantauan dan pengawalan aliran kewangan secara telus bagi setiap perbelanjaan secara berhemah serta memberi nilai terbaik dalam menghasilkan hasil yang maksimum.

Pengurusan Perubahan & Risiko

- 9) Berusaha menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada. Berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko.
- 10) Berkepakaran dalam mentafsir dan melaksanakan peraturan-peraturan kerajaan dan perbendaharaan, urusan-urusan audit dan undang-undang yang berkaitan secara holistik.

Pengurusan Sumber Manusia

- 11) Berkebolehan menambah baik strategi sumber manusia untuk membangunkan kapasiti tenaga kerja dalam memenuhi keperluan semasa dan akan datang serta menyediakan hala tuju yang jelas dan fleksibel untuk mencapai jangkauan bagi memastikan bahawa organisasi sentiasa dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dalam industri dan pasaran kerja.

Berkepakaran Dalam Membudayakan Idea Kreativiti dan Inovasi Dalam Pentadbiran

- 11) Berkebolehan mencetus idea-idea baharu dan meningkatkan usaha untuk mentransformasi organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan berkeupayaan untuk melaksanakan penyelesaian kewangan yang inovatif, termasuk penggunaan teknologi baru dalam pengurusan kewangan dan pelaporan.

KRITERIA KHUSUS

Kecemerlangan Pengurusan Kewangan

- 1) Berpengalaman sebagai Ketua Jabatan Kewangan/Bahagian/Unit di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Badan-badan Kerajaan, Syarikat-syarikat Multinasional, *Government Link Company* (GLC) atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
- 2) Berkemampuan untuk menyediakan perancangan kewangan yang jelas dan berstrategi meliputi pengurusan bajet, '*cost benefit analysis*', '*forecasting needs*' dan peluang-peluang pembiayaan baharu;
- 3) Berkemampuan untuk memastikan sesuatu perancangan kewangan dilaksana dan dikawal dengan baik melalui sistem analisis kewangan yang cekap, selain mematuhi semua keperluan dalam peraturan kewangan/ tatacara kewangan /arahan perbendaharaan dan perancangan kewangan Universiti yang telah dibangunkan;
- 4) Berkemampuan dalam mengurus dan menyelaraskan semua aktiviti laporan kewangan untuk universiti termasuk hasil universiti/ perbelanjaan dan laporan kunci kira-kira, laporan kepada agensi-agensi pembiayaan, pembangunan dan pemantauan belanjawan universiti dan kontrak/ geran. Membangunkan dan mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset-aset kewangan universiti;
- 5) Menyelia dan menyelaraskan aktiviti juruaudit bebas yang memastikan semua isu-isu audit diselesaikan, dan semua isu-isu pematuhan dipenuhi serta penyediaan penyata kewangan tahunan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa;
- 6) Mengurus kewangan universiti dengan cekap, memastikan kelestarian kewangan universiti, dan memberikan sokongan kepada aktiviti akademik dan penyelidikan;
- 7) Memastikan kestabilan kewangan universiti dan memaksimumkan potensi kewangan untuk memenuhi visi dan misi universiti.

Berkemahiran Menjana Pendapatan Untuk Universiti

- 8) Mempunyai kompetensi *business and financial acumen* dan berkeupayaan untuk menjana kewangan dan peluang pelaburan Universiti. Berpandangan jauh dalam menentukan hala tuju universiti dalam urusan yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan dan pelaburan (*business mindset*). Berkemampuan untuk membangunkan kapisiti kewangan sedia ada selain mengenal pasti peluang-peluang baharu, merancang penggubalan belanjawan dan menentukan keberkesanan kos bagi setiap penyampaian perkhidmatan. Berkeupayaan untuk mencipta dan memaksimumkan sumber kewangan bagi memastikan kelestarian dan kemajuan organisasi.

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan boleh di buat dengan mengemukakan **borang yang disediakan** berserta **CV yang lengkap** dengan maklumat termasuk pengalaman, kepimpinan dan pencapaian.
- 2) Borang permohonan dan CV perlu dihantar secara **salinan keras** dan **salinan lembut** untuk urusan saringan.
- 3) Semua Permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **18 April 2025** di alamat berikut:

Salinan keras: Bahagian Governan dan Integriti
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR
(u.p: Encik Azizi Ismail)

Salinan lembut: kb_bqi@upm.edu.my / idasu@upm.edu.my

- 4) Permohonan yang lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.
- 5) Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Azizi bin Ismail / Puan Ida Suhaila binti Md. Tahir
Telefon: 03-9769 6943

MAKLUM BALAS

Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklum balas dalam masa enam **(6) bulan** dari tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

Pejabat Pendaftar
UPM